



Pemerkasaan Urus Tadbir Jawatan Kuasa Peguam Syarie dalam Amalan Pendaftaran Firma Guaman Syarie di Malaysia

**Tadbir Urus
Guaman
Syarie**

*Administrative Empowerment of Syarie Lawyer
Committee Positions in The Practice of Syarie Legal
Firm Registration In Malaysia*

164

HAMMAD MOHAMAD DAHALAN

(Corresponding Author)

NORAZLA ABDUL WAHAB

NUR ZULFAH MD ABDUL SALAM

Jabatan Undang-undang

Fakulti Syariah dan Undang-Undang

Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS),

Bangi, Selangor

hammad@kuis.edu.my, norazla@kuis.edu.my,

nurzulfah@kuis.edu.my

Submitted: 4 October 2022

Revised: 25 October 2022

Accepted: 31 October 2022

E-Published: 31 October 2022

ABSTRAK

Peguam syarie adalah profesion yang tertakluk di bawah seliaan jawatan kuasa peguam syarie negeri-negeri. Namun begitu, jawatan kuasa peguam syarie negeri-negeri umumnya tidak memperincikan tentang amalan pendaftaran firma guaman syarie melalui kaedah-kaedah peguam syarie. Keahlian jawatan kuasa peguam syarie setiap juga dilihat tidak selaras berdasarkan peruntukan Kaedah-Kaedah Peguam Syarie Negeri-Negeri. Pemerkasaan terhadap urus tadbir keahlian jawatan kuasa peguam syarie dilihat telah mula berjaya apabila pindaan dan pengubalan telah dilakukan ke atas Kaedah-Kaedah Peguam Syarie Negeri-Negeri dan Akta Profesion Guaman Syarie 2019. Kajian ini menganalisis perbezaan komposisi ahli jawatan kuasa peguam syarie berdasarkan peruntukan Kaedah-Kaedah Peguam Syarie Negeri yang terkini dan Akta Profesion Guaman Syarie (2019) dengan memfokuskan kepada peruntukan berkaitan amalan pendaftaran firma guaman syarie. Kajian ini menggunakan pendekatan kajian perpustakaan yang merujuk kepada penulisan buku, jurnal, peruntukan undang-undang dan akhbar. Selain itu, kajian lapangan yang digunakan adalah temubual. Temubual dengan pihak yang terlibat secara langsung dalam urus tadbir peguam syarie adalah maklumat tambahan sebagai menyokong data-data yang diperolehi. Seksyen 39 Akta Profesion Guaman Syarie (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 2019 memberi kuasa kepada Majlis Peguam Syarie Wilayah Persekutuan bagi mengawal selia sepenuhnya pendaftaran dan kelulusan nama firma manakala bagi negeri lain, masih tiada satu garis panduan yang jelas tentang pendaftaran firma guaman syarie. Diharapkan kertas kerja ini berhasil memberikan pandangan dan





cadangan penambahbaikan kepada pemerkasaan urus tadbir bagi badan yang menyelia peguam syarie berkaitan isu amalan pendaftaran firma guaman syarie.

Kata Kunci: Peguam Syarie, Amalan Guaman Syarie, Firma Guaman Syarie, Akta Profesion Guaman Syarie 2019,

ABSTRACT

Syarie lawyer is a profession that is subject to the supervision of the authority of syarie lawyers of the states. However, generally states do not detail the practice of syariah law firm registration administration through the rules of syariah lawyers. The membership of each syarie lawyer's committee is also seen to be inconsistent based on the provisions of the Rules of State Syarie Lawyers. The empowerment of the governance of the of the syarie lawyers committtee is seen to have begun to succeed when amendments have been made to the Rules of Syarie Lawyers and the Syarie Legal Profession Act 2019. This study analyzes the differences in the composition of the members of the syarie lawyers committee based on the provisions of the most recent State Rules rand the Syarie Legal Profession Act (2019) by focusing on provisions related to the practice of syarie law firm registration adminstration. This study uses a library research approach that refers to the writing of books, journals, legal provisions and newspapers. In addition, the field research used is interviews. Interviews with parties directly involved in the administration of syarie lawyers are additional information to support the data obtained. Section 39 of the Syarie Legal Profession Act (Federal Territories) 2019 authorizes the Federation of Syarie Lawyers Council to fully regulate the registration and approval of firm names while for other states, there is still no clear guideline on the registration of syarie law firms. It is hoped that this paper will be successful in providing insights and suggestions for improvement to the empowerment of governance for the body that supervises syariah lawyers related to the issue of syariah law firm registration practices.

Keywords: Syarie Lawyer, Syariah Legal Practice, Syarie Legal Firm, Syarie Legal Profession (Federal Territories) Act 2019

PENGENALAN

Pemerkasaan urus tadbir profesion peguam syarie pada ketika ini merupakan suatu isu yang amat penting dalam menjamin taraf peguam syarie selari dengan peguam-peguam lain, seperti peguam bela dan peguam bicara. Bukan setakat itu sahaja, pemerkasaan peguam syarie juga mampu memartabatkan syiar Islam agar terus dipandang mulia di setiap kalangan manusia tidak mengira Islam atau bukan Islam. Penggubalan Akta Profesion Guaman Syarie (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 2019 telah membuka pintu gerbang kepada para peguam syarie untuk mempertingkatkan kualiti dan profesional mereka dalam bidang yang mulia ini. Penguatkuasaan akta tersebut amat penting kepada para peguam syarie sebagai para penolong dan wakil untuk menegakkan keadilan di kalangan masyarakat yang sentiasa ada pertikaian dan permasalahan. Usaha-usaha yang ditonjolkan dalam penggubalan Akta Profesion

Guaman Syarie (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 2019 merupakan suatu titik kejayaan untuk memperkasakan peguam syarie yang mengambil masa hampir 35 tahun lamanya. Usaha-usaha yang dilakukan tersebut adalah terdiri daripada persatuan pegawai syarie seperti Persatuan Peguam Syarie Malaysia, Persatuan Peguam-peguam Muslim Malaysia, anggota JAKIM, Mahkamah Syariah, ahli Jawatankuasa Undang-undang Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan, ahli komuniti Syariah Jabatan Peguam Negara dan peguam-peguam Syarie. Objektif kajian kertas kerja ini adalah untuk mengenalpasti pemerksaan yang telah dilakukan berkaitan urus tadbir peguam syarie khususnya ke atas struktur jawatan kuasa peguam syarie negeri-negeri yang menfokuskan aspek amalan pendaftaran firma guaman.

Malah jika dilihat di dalam dalil-dalil Quran, Allah S.W.T telah menjelaskan kepada hambanya untuk berusaha mengubah diri mereka ke arah yang lebih baik seperti mana firman Allah S.W.T yang bermaksud:

*Sesungguhnya Allah tidak mengubah apa yang ada pada sesuatu kaum
sehingga mereka mengubah apa yang ada pada diri mereka sendiri.¹*
(Ar-Ra'd, 13: 11)

Pemerksaan peguam syarie menerusi penggubalan Rang Undang-undang Profesion Guaman Syarie (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 2019 yang telah digubal di dalam Parlimen Negara adalah untuk menggantikan undang-undang yang telah terpakai di Wilayah-Wilayah Persekutuan iaitu Kaedah-Kaedah Peguam Syarie 1993. Kaedah tersebut adalah sangat terhad dan tidak meliputi semua aspek yang berkenaan dengan pentadbiran dan pengawal seliaan profesion guaman syarie. Oleh yang demikian, Akta Profesion Guaman Syarie 2019 telah digubal untuk mewujudkan suatu akta yang progresif seperti mana yang ada pada Akta Profesion Undang-undang 1976. Oleh itu, perubahan-perubahan ini dilakukan adalah untuk memartabatkan profesion guaman syarie sebagai suatu kerjaya yang profesional di sisi undang-undang (Nurul Farhanah, 2020).

Di dalam Akta Profesion Guaman Syarie (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 2019, ia menekankan antara lain berkenaan peranan Lembaga Kelayakan Profesion Guaman Syarie, penubuhan Majlis Peguam Syarie. Dengan wujudnya penubuhan-penubuhan badan tersebut diharapkan dapat memartabatkan profesion guaman syarie dipertingkatkan ke tahap yang lebih terhormat dalam menegakkan hukuman syariah, seterusnya dapat melonjakkan lagi kualiti urus tadbir dan seliaan peguam syarie. Akta yang digubal ini adalah merupakan suatu penanda aras dan panduan yang boleh dicontohi oleh negeri-negeri lain dalam meningkatkan profesionalisme peguam syarie (Zainul Rijal, 2019).

¹ Semua terjemahan ayat al-Quran merujuk kepada *Tafsir Pimpinan ar-Rahman kepada Pengertian al-Quran*, terbitan Bahagian Hal Ehwal Islam, Jabatan Perdana Menteri.

BADAN PENGAWAL SELIA BAGI PEGUAM SYARIE DI MALAYSIA

Permintaan kepada khidmat guaman syarie semakin bertambah pesat di kalangan masyarakat di negara ini, ekoran banyak kes-kes yang berlaku saban hari, ianya tidak mengira sama ada ia berkaitan dengan kes mal atau jenayah. Oleh sebab itu tugas sebagai peguam syarie amat penting dalam menyelesaikan setiap kes-kes di Mahkamah syariah. Seajar dengan permintaan tinggi terhadap khidmat peguam syarie, sudah pasti pandangan masyarakat pada profesion guaman syarie semakin penting bagi mereka dan kebiasaan masyarakat sudah pasti memerlukan seorang peguam syarie yang berwibawa sebagai wakil kepada mereka dalam menyelesaikan kes-kes yang mereka hadapi. Tidak semua masyarakat tahu atau mengenali dengan baik undang-undang dan prosedur di dalam mahkamah, Oleh sebab itu juga, peranan peguam syarie pada hari ini sangatlah besar dan dinilai sebagai suatu kepentingan bagi setiap masyarakat, berbeza dengan zaman dahulu, peguam syarie hanyalah golongan biasa dan tidak terlalu istimewa. Jadi setiap golongan yang berada dalam bidang atau profesion guaman syarie, atau kepada mereka yang mempunyai latar perundangan, pada masa kini langkah-langkah yang sewajarnya dalam pemerkasaan bidang guaman syarie ini, sudah dapat dilihat suatu usaha telah dilaksanakan bagi mewujudkan suatu akta yang dikenali Akta Profesion Guaman Syarie 2019, bagi memperbaiki kelemahan-kelemahan yang wujud terutama berkaitan urus tadbir amalan pendaftaran firma guaman syarie.

SEBELUM PENGUBALAN AKTA PROFESION GUAMAN SYARIE 2019

Enakmen-Enakmen di Negeri-negeri memperuntukkan Majlis Agama Islam Negeri diberi kuasa untuk membuat Kaedah-kaedah Peguam Syarie bagi negeri masing-masing. Antara kaedah-kaedah yang digubal ialah Kaedah-kaedah Peguam Syarie (Kelantan) 1988, Kaedah-kaedah Peguam Syarie (Pahang) 1990, Kaedah-kaedah Peguam Syarie (Negeri Pulau Pinang) 1997 dan sebagainya. Kaedah-kaedah yang ada ini juga turut dipinda dari semasa ke semasa. Contohnya yang terkini bagi Sabah ialah Kaedah-kaedah Peguam Syarie (Negeri Sabah) 2021 dan Melaka ialah Peraturan-peraturan Pentadbiran Agama Islam (Peguam Syarie) Negeri Melaka 2022. Walau bagaimanapun, undang-undang tersebut dikawal selia di bawah bidang kuasa agama Islam di setiap negeri dan menjadikan undang-undang ini dilihat tidak selaras dan tidak seragam antara negeri-negeri. Ketidakselarasan ini akhirnya telah menyebabkan berlakunya kekeliruan kepada pengamal undang-undang syariah dan masyarakat. Berdasarkan Jadual 1 di bawah menunjukkan wujudnya ketidakseragaman dalam jawatankuasa peguam syarie di negeri-negeri di Malaysia. Melalui Jadual 1, jelas wujud ketidakseragaman dalam setiap negeri di bawah Kaedah-kaedah dan Peraturan-peraturan Peguam Syarie. Jika diperhatikan, jawatan pengerusi dalam jawatankuasa telah disandang oleh jawatan yang berbeza-beza seperti yang telah ditetapkan dalam Kaedah-Kaedah atau Peraturan-Peraturan Peguam Syarie mengikut negeri masing-masing. Secara umumnya, Ketua Hakim Syarie akan bertindak sebagai Pengerusi Jawatankuasa, kecuali bagi Jawatankuasa dalam Negeri Johor yang dipengerusikan oleh Penasihat Undang-Undang. Seterusnya, Negeri Pahang pula tidak menetapkan jawatan tertentu untuk menyandang sebagai

Pengerusi Jawatankuasa. Selain itu, bagi Negeri Perlis pula, Pengerusi hendaklah dilantik oleh Majlis. Seterusnya, di Pulau Pinang pula, Pengerusi bagi Jawatankuasa hendaklah dilantik seorang daripada kalangan Ahli Majlis. Selain itu, berbeza pula di Negeri Sarawak kerana Hakim Mahkamah Tinggi Syariah yang akan bertindak sebagai Pengerusi Jawatankuasa. Akhir sekali, bagi Negeri Terengganu pula, Yang Di-Pertua Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Terengganu yang akan bertindak sebagai Pengerusi Jawatankuasa. Dalam masa yang sama, berdasarkan Jadual 1 tersebut, ahli lain dalam jawatankuasa Peguam Syarie juga tidak seragam sepertimana yang ditetapkan oleh negeri Negeri Johor, Kedah, Negeri Sembilan, Pahang, Perak, Pulau Pinang, Selangor dan Terengganu yang menjadikan Penasihat Undang-Undang Negeri atau wakilnya sebagai anggota dalam Jawatankuasa Peguam Syarie masing-masing. Manakala di Wilayah Persekutuan pula telah menetapkan Peguam Negara atau wakilnya akan berada dalam jawatankuasa tersebut. Namun, tiada peruntukan berhubung Penasihat Undang-Undang Negeri atau wakilnya sebagai anggota dalam Jawatankuasa Peguam Syarie di Kelantan, Melaka, Perlis, dan Sarawak (Hammad, 2022).

Secara keseluruhannya, kaedah-kaedah peguam syarie di seluruh Malaysia tidak memperuntukkan sebarang perincian berkaitan amalan pendaftaran firma guaman syarie secara jelas. Seseorang peguam syarie boleh membuka syarie sendiri atau berkhidmat sebagai peguam di firma rakan kongsi berdasarkan pengalaman dan kemahuan sendiri. Tiada sekatan pendaftaran firma berdasarkan tempoh berapa lama pengalaman diambil kira untuk mendaftar firma guaman syarie sendiri (Musa, 2022). Firma guaman sivil didaftarkan di Majlis Peguam manakala firma guaman Syarie didaftarkan di Suruhanjaya Syarikat Malaysia. Ini juga salah satu daripada isu dan kesulitan yang dihadapi oleh Peguam Syarie berkenaan dengan urusan pendaftaran dan penyelarasan yang pastinya memerlukan kepada sebuah badan profesional khusus iaitu Majlis Peguam Syarie.

Seterusnya, Akta Profesion Undang-Undang 1976 menyatakan Majlis Peguam adalah badan yang menyelia penubuhan firma guaman sivil. Berbeza dengan Majlis Peguam, jawatankuasa Peguam Syarie negeri-negeri tidak mempunyai bidangkuasa untuk menerima daftar penubuhan firma guaman Syarie kerana penubuhan firma guaman Syarie adalah sama seperti penubuhan syarikat-syarikat perniagaan di Malaysia. Malahan, firma guaman Syarie juga menghadapi masalah untuk mendaftarkan nama dengan nama 'firma guaman' kerana terdapat kekeliruan dengan peranan Majlis Peguam (sivil) (Zulkifli Hasan, 2017).

Namun, bagi peguam syarie yang ingin beramal dan mendaftarkan nama di dalam sesebuah firma guaman yang mempunyai rakan kongsi peguambela dan peguamcara, ia tertakluk kepada Akta Profesion Undang-Undang 1976. Dalam Seksyen 3 dan 11 menyatakan bahawa orang berkelayakan yang boleh diterima sebagai Peguambela dan Peguamcara antaranya adalah lepasan ijazah Sarjana Muda Undang-Undang Universiti Malaya, Universiti Malaya di Singapura, Universiti Singapura atau Universiti Kebangsaan Singapura; seorang barrister-at-law England; atau orang yang mempunyai apa-apa kelayakan lain sebagaimana yang



diisytiharkan oleh Lembaga melalui pemberitahuan dalam Warta, berumur 18 tahun ke atas, berkelakuan baik, tidak diisytiharkan bankrap dan lain-lain(Mohd Ezri,2022). Ini menunjukkan Akta ini tidak mengiktiraf Peguam Syarie yang mendapat kelulusan Syariah dari mana-mana Institut Pengajian Tinggi tempatan untuk diterima sebagai Peguambela dan Peguamcara. Ini memberi kesan sehingga kepada Peguam Syarie tidak boleh diterima sebagai rakan kongsi dan tidak dianggap Peguam yang boleh diletak namanya di dalam kepala surat firma guaman yang mempunyai rakan kongsi Peguambela dan Peguamcara.

Dari sudut pendaftaran Peguam Syarie, daftar nama Peguam Syarie juga tidak menyeluruh. Sesebuah negeri hanya menyimpan daftar nama Peguam Syarie yang mempunyai sijil amalan di negeri itu sahaja. Daftar nama ini tidak mewakili jumlah sebenar Peguam Syarie di Malaysia. Ini kerana berkemungkinan nama Peguam Syarie yang sama didaftarkan di negeri-negeri yang berbeza. Berbeza dengan daftar nama di Majlis Peguam, daftar nama yang diselia oleh Majlis Peguam adalah menyeluruh di Semenanjung Malaysia. Sekiranya orang awam yang ingin mendapatkan khidmat peguam, mereka hanya perlu mencari daftar nama di Majlis Peguam tanpa perlu melihat kepada badan-badan berkuasa yang lain atau badan-badan berkuasa setiap negeri.

Kesimpulannya, amalan pendaftaran firma guaman syarie adalah sangat mudah dan tidak terikat dengan sebarang peruntukan khas di bawah mana-mana Kaedah-Kaedah Peguam Syarie di negeri-negeri Malaysia. Ia memberikan kemudahan seluas-luas kepada peguam syarie yang mempunyai tauliah untuk beramal menggunakan firma guaman sendiri atau menggunakan firma guaman syarie yang mempunyai rakan kongsi. Namun begitu, kepentingan masyarakat dari segi hak untuk mendapatkan khidmat yang terbaik dan profesional perlu dilindungi oleh semua pihak yang terlibat dalam profesion guaman syarie.



Negeri	Peruntukan	Ahli/ Anggota	Pengerusi	Setiausaha
Kedah Peraturan-peraturan Peguam Syarie (Kedah Darul Aman) 2016	Peraturan 4	(a) Ketua Hakim Syarie sebagai pengerusi (b) Penasihat Undang-Undang Negeri atau wakilnya (c) Setiausaha Majlis Agama Islam Negeri (d) Ketua Pendaftar Jabatan Kehakiman Syariah Negeri (e) Ketua Pendakwa Syarie (f) seorang wakil peguam-peguam Syarie (g) seorang yang arif dalam Hukum Syarak	Ketua Hakim Syarie	Ketua Penolong Pengarah (Undang-Undang Keluarga Islam)
Kelantan Kaedah-kaedah Peguam Syarie (Kelantan) 2000	Kaedah 4	(a) Ketua Hakim Syarie sebagai pengerusi (b) Pendakwa Syarie (c) tiga orang lain yang dilantik oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Al-Sultan (d) Ketua Pendaftar Mahkamah Rayuan Syariah sebagai Setiausaha	Ketua Hakim Syarie yang	Ketua Pendaftar Mahkamah Rayuan Syariah
Johor Kaedah-kaedah Peguam Syarie (Negeri Johor) 2015	Kaedah 4	(a) Penasihat Undang-Undang Negeri sebagai Pengerusi (b) Ketua Pegawai Eksekutif Majlis Agama Islam Negeri Johor (c) Mufti Atau Wakilnya (d) Ketua Hakim Syarie (e) Ketua Pendakwa Syarie (f) Seorang Wakil Persatuan Peguam Syarie Negeri Johor	Penasihat Undang-Undang Negeri	Kadi Besar (Ketua Penolong Pengarah Undang-Undang Syariah)
Negeri Sembilan Kaedah-kaedah Peguam Syarie (Negeri Sembilan) 2012	Kaedah 4	(a) Ketua Hakim Syarie, sebagai Pengerusi (b) Penasihat Undang-Undang Negeri atau wakilnya (c) seorang Hakim Mahkamah Rayuan Syariah (d) Hakim kanan	Ketua Hakim Syarie	Ketua pendaftar mahkamah rayuan syariah

		Mahkamah Tinggi Syariah (e) Ketua Pendakwa Syarie (f) seorang Peguam Syarie sebagai wakil Peguam-peguam Syarie (g) seorang yang berkemahiran dalam Hukum Syarak		
Perak Kaedah-kaedah Peguam Syarie (Perak) 2003, pindaan 2015	Kaedah 4	(a) Ketua Hakim Syarie yang hendaklah menjadi Pengerusi (b) Mufti atau wakilnya (c) Penasihat Undang-Undang Negeri atau wakilnya (d) Ketua Bahagian Pentadbiran Undang-Undang Syariah, Jabatan Agama Islam Perak (e) seorang Peguam Syarie atas syor Ketua Hakim Syarie	Ketua Hakim Syarie	Ketua Pendaftar
Melaka Peraturan-peraturan Pentadbiran Agama Islam (Peguam Syarie) Negeri Melaka 2022	Peraturan 4	(a) Ketua Hakim Syarie, sebagai Pengerusi (b) Penasihat Undang-undang Negeri atau wakilnya (c) Mufti atau wakilnya (d) Hakim Kanan Mahkamah Tinggi Syariah (e) Hakim Mahkamah Tinggi Syariah (f) Setiausaha Majlis atau wakilnya (g) Ketua Pendakwa Syarie atau wakilnya (h) Seorang Peguam Syarie sebagai wakil Peguam-peguam Syarie (i) Seorang yang berkemahiran hukum syarak	Katua Hakim Syarie	Katua Pendaftar Mahkamah Rayuan Syariah
Pulau Pinang Kaedah-kaedah	Seksyen 4	(a) seorang ahli Majlis, sebagai Pengerusi (b) Ketua Pendaftar	Seorang ahli Majlis	Ketua Pendaftar Mahkamah Rayuan Syariah



Peguam Syarie (Negeri Pulau Pinang) 1997		Mahkamah Rayuan Syariah, sebagai Setiausaha (c) Ketua Pendakwa Syarie (d) Penasihat Undang-Undang atau wakilnya (e) tidak lebih daripada dua orang ahli yang lain yang berkemahiran dalam Hukum Syarak		
Perlis Kaedah Peguam Syare (Perlis) 1995	Seksyen 4	(a) Seorang Pengerusi yang dilantik oleh Majlis (b) Pendaftar Mahkamah Tinggi Syariah sebagai setiausaha (c) Pendakwa Syarie (d) Seorang Peguam Syarie sebagai wakil Peguam-Peguam Syarie (e) Dua orang Ahli Majlis yang berkemahiran dalam Hukum Syarak (Ahli Majlis)	Seorang Pengerusi yang dilantik oleh Majlis	Pendaftar Mahkamah Tinggi Syariah
Selangor Kaedah-kaedah Peguam Syarie (Selangor) 2008	Kaedah 4	(a) Ketua Hakim Syarie, sebagai Pengerusi (b) Penasihat Undang-Undang Negeri atau wakilnya (c) seorang Hakim Mahkamah Rayuan Syariah Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia yang dilantik oleh Ketua Pengarah (d) seorang Hakim kanan Mahkamah Tinggi Syariah (e) Ketua Pendakwa Syarie (f) seorang Peguam Syarie sebagai wakil Peguam-peguam Syarie (g) seorang yang berkemahiran dalam Hukum Syarak	Ketua Hakim Syarie	Ketua Pendaftar Mahkamah Rayuan Syariah
Sarawak Kaedah-kaedah Peguam Syarie (Sarawak) 1992	Kaedah 4	(a) Hakim Mahkamah Tinggi Syariah sebagai Pengerusi (b) Ketua Pendakwa Syarie (c) seorang Peguam Syarie yang dilantik oleh Ketua Hakim Syarie (d) dua orang ahli lain yang	Hakim Mahkamah Tinggi Syariah	Pengerusi boleh melantik seorang daripada ahli Jawatankuasa



		mempunyai kemahiran dalam bidang Kehakiman Islam atau dalam Hukum Syarak dan yang dilantik oleh Ketua Hakim Syarie (e) Pendaftar Mahkamah Tinggi Syariah		
Wilayah Persekutuan Akta Profesion Guaman Syarie (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 2019	Seksyen 50	Presiden, Naib Presiden, Setiausaha dan Bendahari bagi Badan Peguam Syarie hendaklah dipilih oleh Majlis Peguam Syarie dalam kalangan anggota Majlis Peguam Syarie	Presiden Majlis Peguam	Dipilih di kalangan anggota Majlis Peguam Syarie
Terengganu Kaedah-kaedah Peguam Syarie (Terengganu) 2015	Kaedah 4	(a) Yang DiPertua Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Terengganu, sebagai Pengerusi (b) Penasihat Undang-Undang Negeri atau wakilnya (c) Mufti Negeri Terengganu (d) Ketua Hakim Syarie (e) Ketua Pendakwa Syarie (f) Ketua Pendaftar Mahkamah Rayuan Syariah (g) Seorang Setiausaha	Yang DiPertua Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Terengganu	Pesuruhjaya Hal Ehwal Agama
Pahang Peraturan-peraturan Peguam Syarie (Pahang) 1995	Peraturan 4	(a) Pengerusi (b) Penasihat Undang-Undang Negeri (c) Ketua Pendakwa Syarie (d) dua orang lain yang dilantik oleh Majlis (e) Setiausaha Majlis sebagai Setiausaha	Tidak dinyatakan	Setiausaha Majlis
Sabah Kaedah-kaedah Peguam Syarie (Negeri Sabah) 2021	Kaedah 4	(a) Hakim Mahkamah Tinggi Syariah yang ditentukan oleh Ketua Hakim Syarie (b) Peguam Besar Negeri Sabah atau wakilnya (c) Ketua Pendakwa Syarie (d) seorang Peguam Syarie (e) seorang ahli lain yang mempunyai kemahiran	Hakim Mahkamah Tinggi Syariah	Ketua Pendaftar



		dalam bidang Kehakiman Islam atau dalam Hukum Sarak (f) Ketua Pendaftar Mahkamah		
--	--	--	--	--

Jadual 1: Perbezaan struktur ahli Jawatankuasa antara negeri berdasarkan Kaedah-kaedah/
Peraturan Peguam Syarie Negeri-negeri/ Akta Profesion Guaman Syarie 2019

PASCA PENGUATKUASAAN AKTA PROFESION GUAMAN SYARIE (WILAYAH-WILAYAH PERSEKUTUAN) 2019 KE ATAS AMALAN PENDAFTARAN FIRMA GUAMAN SYARIE

Setelah Akta Profesion Guaman Syarie (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 2019 dikuatkuasakan pada 21 Jun 2022, semua urusan tadbir guaman syarie ditadbir sepenuhnya oleh Majlis Peguam Syarie (Wilayah Persekutuan). Segala kos pentadbiran Jawatankuasa Peguam Syarie Wilayah Persekutuan yang sebelum penguatkuasaan akta ini ditanggung sepenuhnya oleh Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MWAIP), kini ditanggung sepenuhnya oleh Majlis Peguam Syarie (Sanusi, 2022). Hal berkaitan dengan amalan pendaftaran firma guaman syarie juga ditadbir sepenuhnya oleh Majlis Peguam Syarie Wilayah-Wilayah Persekutuan seperti yang diperuntukkan di bawah Akta Profesion Guaman Syarie (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 2019.

Menurut seksyen 39 Akta Profesion Guaman Syarie (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 2019, jika mana-mana peguam syarie itu berhasrat untuk menubuhkan sesebuah firma, peguam syarie tersebut hendaklah memohon kepada Majlis Peguam Syarie bagi pendaftaran dan kelulusan nama firma. Seterusnya seseorang pemohon itu (Peguam Syarie) hendaklah mengisi borang dengan menulis nama firma, nama Peguam Syarie dan rakan kongsi (sekiranya ada), alamat utama atau mana-mana alamat lain firma yang dicadangkan dan serta mengisi butiran yang lain-lain sebagaimana yang dipersetujui oleh Majlis Peguam Syarie. Setelah itu, peguam syarie perlulah menunggu permohonan tersebut diluluskan oleh Majlis Peguam Syarie. Majlis Peguam Syarie boleh mengeluarkan perakuan pendaftaran dan meluluskan nama firma yang dicadangkan jika ia mengikut syarat yang ditetapkan.

Walau bagaimanapun, Majlis Peguam Syarie boleh menolak suatu perakuan bagi pendaftaran atas alasan bahawa nama firma yang dicadangkan itu memperdayakan atau mengelirukan dengan nama firma lain yang telah didaftarkan. Akhir sekali, sekiranya mana-mana Peguam Syarie yang tidak berpuas hati dengan keputusan Majlis Peguam Syarie, Peguam Syarie tersebut boleh merayu kepada Mahkamah Tinggi Syariah.

Di samping itu, daftar nama firma bagi guaman syarie juga telah diperuntukkan di dalam Seksyen 40 Akta Profesion Guaman Syarie. Majlis Peguam Syarie hendaklah menyimpan dan menyenggara suatu daftar nama firma yang di bawahnya. Selain itu, Majlis Peguam Syarie boleh mengeluarkan mana-mana nama firma daripada daftar nama firma, jika Majlis Peguam Syarie berpuas hati bahawa tiada seorang pun Peguam Syarie atau ahli firma tersebut telah tidak menjalankan amalan di bawah nama itu dengan perakuan daripada Majlis Peguam Syarie.



Berdasarkan seksyen 41 Akta Profesion Guaman Syarie (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 2019 memperuntukkan tentang pemasukan semula nama firma dalam daftar nama firma, jika terdapat mana-mana permohonan bagi pemasukan semula nama firma dalam daftar nama firma yang telah dikeluarkan berdasarkan Seksyen 40 hendaklah dibuat mengikut cara yang ditentukan oleh Majlis Peguam Syarie.

Kekeliruan mungkin akan wujud dalam kalangan peguam syarie yang mempunyai sijil beramal di Wilayah Persekutuan dan sijil beramal negeri lain yang masih belum mempunyai Majlis Peguam Syarie (Musa, 2022). Bagi peguam syarie di wilayah persekutuan segala hal berkaitan pendaftaran firma dikendalikan sepenuhnya oleh Majlis Peguam Syarie Wilayah Persekutuan manakala bagi negeri-negeri lain, amalan pendaftaran firma guaman syarie masih kekal seperti mana sebuah entiti perniagaan yang di bawah selian Suruhanjaya Syarikat Malaysia.

KESIMPULAN

Dalam era pasca pelaksanaan Akta Profesion Guaman Syarie (Wilayah-wilayah Persekutuan) 2019, segala usaha pemerkasaan berkaitan amalan pendaftaran firma guaman syarie yang dilaksanakan oleh Majlis Peguam Syarie Wilayah-wilayah Persekutuan wajar diteliti oleh semua negeri-negeri lain di Malaysia. Pihak pemegang taruh berkaitan amalan guaman syarie, disarankan untuk menggubal Kaedah atau Peraturan (undang-undang kecil) yang lebih khusus berkaitan amalan pendaftaran firma dan menyelaraskan urusan tadbir berkaitan daftar nama seluruh peguam syarie yang mempunyai sijil amalan di antara majlis peguam syarie dan jawatankuasa peguam syarie negeri-negeri bagi mengelakkan berlaku kekeliruan di kalangan masyarakat.

RUJUKAN

Al-Qur'an al-Karim.

Hammad Mohamad Dahalan, Hjh Mas Nooraini Hj Mohiddin, Mohamad Rizal Abd Rahman, & Nur Khalidah Dahlan. (2019). Peguam Syarie di Malaysia: Analisis Perkembangan Pelaksanaannya di Mahkamah Syariah. *JUUM*. 23-33. <https://ejournal.ukm.my/juum/article/view/36252/10182>

Md Zawawi Bin Abu Bakar. (2003). Isu-Isu Peguam Syarie di Malaysia. *Jurnal Syariah*, 11(2), 109-132. <https://ejournal.um.edu.my/index.php/JS/article/view/22868/11392>

Mohamad Isa Abd Ralip. t.t. Kepeguaman Syarie di Malaysia. *Laman Web Rasmi Jabatan Kehakiman Syariah Pahang*. <https://jksp.pahang.gov.my/index.php/kepeguaman-syarie-di-malaysia>

Nurul Farhanah, Hammad Mohamad Dahalan, Nur Zulfah Md Abdul Salam, & Mohamad Azhan Yahya. (2020). Analisis Syarat Kelayakan Peguam Syarie Menurut Islam Dan Perundangan Di Malaysia. *Current Legal Issues*, 2, 101-108. <http://www.ukm.my/cli/makalah-2020/>



Tuan Mohd Ezri Bin Abdul Wahab, Naib Presiden Majlis Peguam Malaysia, dalam temubual di Pejabat Majlis Peguam Malaysia, Kuala Lumpur pada 5b Julai 2022.

Tuan Musa bin Awang, Presiden Persatuan Peguam Syarie Malaysia, dalam temubual dalam talian pada 24hb Jun 2022.

Tuan Musa Bin Awang. (2017). *Peguam Syarie di Malaysia: Realiti Semasa & Prospektif Ke Arah Penggubalan Akta Profesion Guaman Syarie*. IAIIS Malaysia. <https://iais.org.my/attach/2017/29AUG2017/MusaAwang.pdf>

Tuan Wan Ahmad Sanusi Mohd Noor. Pengurus Unit Undang-Undang MAIWP, dalam temubual di Pejabat Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan, Kuala Lumpur pada 13hb Jun 2022.

Zainul Rijal Abu Bakar. (2019, 21 Julai). *Era baru peguam syarie*. Sinar Harian. <https://www.sinarharian.com.my/article/39006/era-baru-peguam-syarie>

Zulkifli Hasan. (2017, 10 November). *Ke Arah Penubuhan Badan Peguam Syarie Malaysia* [Sesi Pembentangan], Konvensyen Nasional Peguam Syarie 2017, Kuala Lumpur, Malaysia.

Statut

Kaedah Peguam Syarie (Perlis) 1995

Kaedah Peraturan-peraturan Peguam Syarie (Kedah Darul Aman) 2016

Kaedah-kaedah Peguam Syarie (Negeri Pulau Pinang) 1997

Kaedah-kaedah Peguam Syarie (Perak) 2003, pindaan 2015

Kaedah-kaedah Peguam Syarie (Selangor) 2008

Kaedah-kaedah Peguam Syarie (Negeri Sembilan) 2012

Peraturan-peraturan Pentadbiran Agama Islam (Peguam Syarie) Negeri Melaka 2022

Kaedah-kaedah Peguam Syarie (Negeri Johor) 2015

Peraturan-peraturan Peguam Syarie (Pahang) 1995

Kaedah-kaedah Peguam Syarie (Terengganu) 2015

Kaedah-kaedah Peguam Syarie (Kelantan) 2000

Kaedah-kaedah Peguam Syarie (Negeri Sabah) 2021

Kaedah-kaedah Peguam Syarie (Sarawak) 1992

Akta Profesion Guaman Syarie (Wilayah-wilayah Persekutuan) 2019